

# TPB perlu RM100j luaskan bank tanah di Indonesia

KUALA LUMPUR 26 April - Tradewinds Plantations Bhd. (TPB), yang dimiliki oleh tokoh perniagaan terkemuka Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukahary, perlu membuat pelaburan awal sekurang-kurangnya RM100 juta di Indonesia sekiranya syarikat itu berhasrat untuk memperluaskan bank tanahnya di negara itu.

Pengarah Urusannya, Dr. Radzuan Abdul Rahman berkata, pelaburan sebanyak itu diperlukan bagi memastikan syarikat berkenaan memiliki saiz tanah yang munasabah, iaitu kira-kira 20,000 hektar, untuk mengurangkan kos apabila beroperasi.

Beliau berkata, syarikat itu, bagaimanapun setakat ini belum membuat keputusan yang konkrit untuk membeli tanah di negara jiran itu tetapi mengakui syarikat itu sedang mengendalikan kajian berhemat yang dijangka selesai pada akhir tahun ini ataupun awal tahun depan.

"Seseorang itu perlu realistik. Indonesia yang mempunyai tanah luas serta tenaga

buruh murah merupakan alternatif terbaik bagi hampir semua syarikat (perladangan) Malaysia, termasuk TPB.

"Kami tidak menolak kemungkinan untuk pergi ke Indonesia dan kami telah mengenalpasti kawasannya," katanya selepas majlis pelancaran TPB, syarikat baru yang diwujudkan melalui penggabungan Tradewinds Malaysia Bhd. dan Johore Tenggara Oil Palm Bhd. (JTOP).

Majlis itu disempurnakan secara bersama oleh Pengerusi Tradewinds Corporation Bhd., Datuk Seri Megat Najmuddin Khas dan Pengerusi TPB, Datuk Dr. Mohd Noor Ismail.

Kini TPB mempunyai bank tanah seluas 126,980 hektar yang mana 74,674 hektar terletak di Sarawak diikuti 41,003 hektar di Semenanjung dan 11,303 hektar di Sabah.

Selain itu, syarikat perladangan berkenaan juga menguruskan ladang bagi pihak kedua seluas 18,723 hektar di Sarawak dan Indonesia.

Radzuan menambah, sekiranya TPB memiliki tanah di Indonesia, syarikat itu bercadang untuk melaksanakan pendekatan operasi berbeza daripada amalan syarikat Malaysia terdahulu yang melakukan usaha sama dengan rakan kongsi di negara tersebut.

Menyentuh tentang penerokaan aktiviti hiliran, Radzuan memberitahu, setakat ini pihaknya tidak berminat untuk mencuburi bidang tersebut, sebaliknya lebih cenderung memperkukuhkan aktiviti hulu dengan mengurangkan kos pengeluaran.

Jelasnya, syarikat menyasarkan untuk mengurangkan kos pengeluaran minyak sawit mentah (MSM) kepada RM720 setan menjelang tahun 2010 berbanding RM840 setan ketika ini.

Tambah beliau, TPB akan memberi tumpuan kepada aktiviti hulu kerana pengalamannya yang sedia ada sedangkan aktiviti hiliran memerlukan pelaburan yang besar untuk diterokai.